

Dakwaan penipuan kontrak lebuhraya Utara-Selatan

PM minta DAP kemuka bukti

MELAKA, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta pihak pembangkang supaya membuktikan dakwaan mereka kononnya berlaku penipuan dalam pemberian kontrak bagi pembinaan lebuhraya Utara-Selatan.

Perdana Menteri menegaskan semua perkara berhubung pemberian kontrak itu dibuat dengan teratur.

Beliau juga menjelaskan bahawa kerajaan menswastakan pembinaan lebuhraya sepanjang 960 kilometer itu kerana belanja untuk menyelenggarakannya amat besar.

"Sebaliknya kalau diswastakan, walaupun kerajaan terpaksa memberi sedikit subsidi, kesannya jauh lebih rendah daripada perbelanjaan yang terpaksa dikeluarkan jika lebuhraya itu diina dan diselenggarakan sendiri oleh kerajaan.

"Niat kerajaan ialah semata-mata untuk kebaikan rakyat dan memelihara wang rakyat. Kita swastakan beberapa perkhidmatan kerajaan bagi mengurangkan beban rakyat.

"Sebab itu kita swastakan pembinaan lebuhraya ini. Kita swastakan dengan cara cukup teratur, tidak ada penipuan, walaupun ada tohmahan kononnya saya dapat duit dari lebuhraya ini," katanya ketika merasmikan Lebuhraya Senawang-Ayer Keroh di sini, pagi ini.

Oleh SHAROM SUBOH

Lebuhraya sepanjang 62.6 kilometer berharga \$258 juta itu adalah sebahagian daripada lebuhraya Utara-Selatan.

Sewaktu Perdana Menteri berucap, sekumpulan kira-kira 40 anggota pembangkang DAP diketuai oleh setiausaha agungnya, Encik Lim Kit Siang, mengadakan tunjuk perasaan membantah kenaikan kadar tol.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan tohmahan-tohmahan yang dilemparkan adalah bohong semata-mata, dan orang yang melakukan perbuatan itu pandai membuat tohmahan supaya tidak boleh didakwa di mahkamah.

Beliau mengulangi bahawa hasrat kerajaan adalah baik, semata-mata untuk kepentingan rakyat.

"Kalau kerajaan serahkan kepada swasta untuk membina dan mentadbir lebuhraya ini, mungkin mereka dapat menyelenggarakan pembinaan dan mentadbirkan dengan murah lagi untuk dapat keuntungan dan kerajaan pula akan dapat mengutip cukai daripada keuntungan itu.

"Sebaliknya, kalau kerajaan sendiri yang membuat dan menyelenggarakan lebuhraya, ia kerap rugi, jauh sekali dapat kutip cukai. Sebab itu elok kalau lebuhraya diswastakan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan bahawa segala prosedur untuk pengswastaan dilkut dengan teliti dan tidak ada "main-main atau penipuan" yang berlaku.

Katanya, Menteri Kerja Raya, Da-

● Lihat muka 2 ruana 10

Parti lawan tiada

BH 14 April 1974
isu lain:

Dr M

● Dari muka

Dr S Samy Vellu, sudah menunjukkan prosedur yang diikuti oleh kerajaan kepada Ketua Pembangkang untuk menunjukkan kebenaran kerajaan, tetapi manusia semacam itu sentiasa menganggap semua tidak betul kerana hendak mencari isu politik dan bukan untuk mencari kebaikan.

"Malangnya apa juga yang baik yang kita cadang, ada sahaja manusia yang mencari keburukan. Tetapi kita tidak ada perkara buruk yang kita hendak buat," tegasnya.

Perdana Menteri berkata lebuhraya dijadikan kontroversi politik kerana parti pembangkang tiada isu lain dan mahu kerajaan membayar semua untuk pembinaan lebuhraya itu.

"Kerajaan boleh bayar semua, tetapi semua orang mesti terima hakikat bahawa jika kerajaan membiayai semuanya, kita tidak akan dapat membina kemudahan lain seperti jalan kecil di kampung, klinik dan hospital kerana wang itu perlu digunakan untuk pembinaan lebuhraya.

"Inilah asas kerajaan mengadakan sistem tol dan dengan adanya lebuhraya, semua perjalanan lebih selesa, rakyat akan lebih banyak berjalan dan sampai ke destinasi dalam masa yang singkat.

"Jadi, jangan kita sengaja menjadi penghalang kepada kegiatan ekonomi dalam negara kita supaya rakyat menderita.

"Lihatlah lebuhraya sebagai satu usaha dan kemudahan ekonomi yang boleh membawa nikmat kepada semua orang. Setiap bayaran tol akan menolong pembangunan negara," katanya.

Beliau berkata, pihak tertentu yang ingin memburuk-burukkan usaha kerajaan akan meneruskan usaha mereka, kerana mereka kecewa tidak dapat memerintah negara ini.